

30/01/1997

Sabah sedia bantu siasat kes seludup balak

KOTA KINABALU, Rabu - Kerajaan negeri hari ini menyatakan kesediaan bekerjasama dengan Badan Pencegah Rasuah (BPR) yang diarah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, untuk menjalankan siasatan berhubung dakwaan penyeludupan balak di Tawau baru-baru ini.

Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee, ketika memberi jaminan itu juga meminta jabatan kerajaan serta pegawai kanan membantu BPR dalam siasatan berkenaan.

"Kerajaan negeri akan memberi segala bantuan yang boleh kepada BPR untuk memudahkan kerja yang dijalankan berhubung kes ini.

"Saya juga meminta supaya semua pegawai dan sektor swasta yang ada maklumat untuk memberi kerjasama dan bantuan kepada BPR," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet, di sini hari ini.

Pada mesyuarat itu, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Abdul Ghapur Salleh membentangkan laporan hasil siasatan jawatankuasa khas peringkat negeri yang dipengeruskannya berhubung kes penyeludupan itu.

Salinan laporan siasatan itu diserahkan oleh Ketua Menteri kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Kuala Lumpur semalam.

Anwar semalam berkata, penyiasatan BPR perlu untuk menyiasat kes berkenaan dan sementara itu semua pihak perlu menghentikan sebarang kenyataan bagi mengelak timbul sebarang ketegangan.

Ditanya sama ada kegiatan penyeludupan itu didalangi pemimpin politik, Yong berkata, laporan yang dikemukakan oleh jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Ghapur ada menyebut nama individu dan syarikat pembalakan.

Sementara itu, Polis Sabah menubuhkan pasukan khas dianggotai lima pegawai dan anggota untuk menyiasat kes penyeludupan balak di Pulau Sebatik, Tawau, yang dikhuatiri berlaku unsur jenayah.

Pasukan khas itu diketuai Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Negeri, Senior Asisten Komisioner II Mazlan Tyan. Mereka sudah dihantar ke Tawau untuk memulakan siasatan di peringkat akar-umbi.

Pesuruhjaya Polis Negeri, Deputy Komisioner Datuk Maizan Shaari, berkata pasukan itu ditubuhkan berdasar laporan Jabatan Perhutanan pada 17 Januari lalu dan laporan keduanya semalam.

"Kedua-dua laporan itu berkaitan antara satu sama lain. Jabatan Perhutanan mengesyaki ada perlakuan jenayah berhubung kes itu selepas siasatan awalnya," katanya.

(END)